

Orang asli buat bantahan

Hantar memorandum bantah cadangan mansuh hutan simpan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kira-kira 300 masyarakat orang asli yang tinggal berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Utara membuat bantahan di Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) semalam berhubung cadangan memansuhkan status Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

Satu memorandum turut disampaikan kepada Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor, Borhan Aman Shah.

Ketua Kampung Pulau Kempas, Bukit Cheeding dan Bukit Kecil, Rahman Pahat berkata, cadangan memansuhkan status hutan itu hanya



Rahman (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada Borhan (kanan) di Bangunan SSAAS, Shah Alam semalam.

akan memberi kesan kepada penduduk orang asli yang telah menetap di kawasan itu sejak tahun 1845.

Menurutnya, memorandum bantahan yang dihantar itu melibatkan tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan enam ketua kampung orang asli.

“Kami berharap agar menteri besar dapat mempertimbangkan bantahan kami ini kerana hutan simpan itu menjadi sumber rezeki kami untuk mencari herba dan pendapatan harian,” katanya selepas menyerahkan memorandum bantahan berkenaan di Bangunan SSAAS di sini semalam.


Sementara itu, Borhan ketika ditemui media berkata, kerajaan negeri sentiasa membuka ruang kepada seluruh masyarakat bagi

menyuarkan pandangan dan cadangan masing-masing berhubung isu itu.

Katanya, cadangan dan bantahan yang diterima akan diangkat semula oleh kerajaan negeri untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.

Sebelum ini, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar turut menyuarakan bantahan terhadap cadangan nyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang bertentangan dengan hasrat kerajaan Pusat untuk memelihara hutan simpan.

Bantahan turut disuarakan oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) kerana hutan itu kaya dengan sumber biodiversiti unik termasuk spesies tupai pygmy yang hanya boleh ditemui di kawasan berkenaan.



Lebih Cerita

Cinta Setiap Ahad